

PERJANJIAN KERJA REKALIBRASI

Perjanjian ini dibuat oleh :

Nama Syarikat : DYNAMIC EXCELLENT RESOURCES SDN BHD
Nama Pengarah : LIM KEAN HEE
No. IC / Paspor :
Alamat Syarikat : 79, 1ST FLOOR
PERSIARAN MAHSURI 1/3
10200 BAYAN LEPAS
No. Telp Pejabat : 017-4317811
Email Syarikat : dynamic.ersb@gmail.com

("Selepas ini dinamakan PEMBERI KERJA/MAJIKAN) dengan

Nama Pekerja : SANDI KURNIWAN
No. NIK/KTP : 3505090102750003
Tempat, Tgl lahir : BINJAI , 1975-02-01
Alamat di Indonesia : DESA SUKAMAJU,
BINJAI BARAT KOTA BINJAI MEDAN
No. HP : 0173149197
Nama Ahli Waris : SITI NUR MINAH

Warganegara Indonesia, (selepas ini dinamakan "PEKERJA").

Dengan ini adalah dipersetujui syarat-syarat yang berikut :

1. **SEKTOR** : **Construction**
2. **JAWATAN KERJA** : **Construction Worker**
3. **TEMPOH KONTRAK** : **1 TAHUN.**>br>Tambahan tempoh kontrak kerja boleh disambung dengan persetujuan PEMBERI KERJA dan kelulusan daripada Kerajaan Malaysia dan harus memiliki kontrak kerja perpanjangan. Perpanjangan kontrak kerja tahun berikutnya harus disahkan oleh KBRI/KJRI.
4. **LOKASI & ALAMAT TEMPAT KERJA**
Pekerja hanya diperbolehkan bekerja dengan pemberi kerja/majikan di
**79, 1ST FLOOR
PERSIARAN MAHSURI 1/3
10200 BAYAN LEPAS**

5. TEMPOH KERJA

Perjanjian ini hanya sah diperakuan bagi tempoh 1 (satu) tahun dari tarikh pengesahan perpanjangan kontrak kerja.

Di akhir tempoh penamatan, kontrak kerja ini boleh dilanjutkan kepada satu (1) tahun lagi dengan mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak dan tertakluk kepada pematuhan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Malaysia dan kontrak kerja mesti dimohonkan dan disahkan oleh Kedutaan Besar atau Konsulat Jenderal Republik Indonesia 2 (dua) bulan sebelum tamat tempoh.

6. HAD UMUR (BATAS UMUR PEKERJA)

Batas umur pekerja yang boleh bekerja dalam program Rekalibrasi Tenaga Kerja ini adalah minimal 18 tahun dan lulus tes kesehatan (Fomema). Jika pekerja tidak lulus tes kesehatan (Fomema), maka pemberi kerja/majikan bertanggung jawab membiayai kepulangan ke daerah asal di Indonesia atau bertanggung jawab selama pekerja berada di Malaysia dan melaporkan ke Kedutaan atau Konsulat Indonesia.

7. TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB PEKERJA

- a) Pekerja harus menunjukkan mutu kerja yang baik dan mematuhi segala arahan yang diberikan oleh PEMBERI KERJA melalui pegawai-pegawai yang dilantik dari masa kemasa.
- b) Pekerja harus bekerja untuk PEMBERI KERJA ataupun syarikat ini sahaja dan dilarharus bersikap bertanggungjawab dan penuh dedikasi di atas segala tugas yang ditetapkan.
- c) Pekerja harus sentiasa menjaga perlakuan diri, budi bahasa dan sentiasa menghormati PEMBERI KERJA atau wakil-wakilnya, teman sekerja dan masyarakat sekeliling.
- d) Pekerja harus menghormati kebudayaan, tata-susila dan cara hidup orang-orang tempatan dan undang-undang Malaysia.
- e) Pekerja harus bekerja sesuai dengan jawatan dalam kontrak kerja dan Pas Lawatan Kerja Sementara.
- f) Pekerja harus mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh syarikat seperti yang tertera di dalam buku peraturan dan syarat-syarat kerja dan ketetapan yang dibuat untuk asrama syarikat.
- g) Pekerja tidak dibenarkan membawa keluarga dan tidak dibenarkan pula berkahwin sesama Pekerja atau dengan pekerja asing lainnya atau dengan penduduk tempatan tanpa kebenaran khusus dari kerajaan Malaysia.
- h) Pekerja boleh diambil atau dikenakan tindakan **TATA TERTIB / DISIPLIN** jika didapati melanggar mana-mana perjanjian kerja ataupun **undang-undang** di Malaysia.

8. TUGAS DAN TANGGUNG JAWAB MAJIKAN (PEMBERI KERJA)

- a) Majikan wajib membayar gaji dan elaun pekerja setiap bulan dan paling lambat setiap tanggal 7 pada bulan berikutnya disertai bukti pembayaran gaji setiap bulan.
- b) Majikan tidak boleh mempekerjakan Pekerja selain daripada tugas dan pekerjaannya sesuai jawatan kerja dalam kontrak kerja dan Pas Lawatan Kerja Sementara.
- c) Majikan wajib bertanggung jawab menyediakan peralatan dan perlengkapan kerja bagi keselamatan pekerja secara percuma.
- d) Majikan harus menyediakan waktu bagi pekerja untuk beribadah sesuai agamanya dan rehat

cukup selama masa bekerja sesuai aturan Akta Kerja.

- e) Majikan harus menyediakan akomodasi atau tempat tinggal bagi pekerja dengan fasilitas kebutuhan dasar pekerja yang layak sesuai dengan akta standar minimum perumahan dan fasilitas pekerja 1990.
- f) Majikan harus membayar biaya rekalibrasi, levy, FOMEMA dan semua kos bayaran program rekalibrasi tenaga kerja dan tidak ada potongan gaji atau bayaran yang menjadi tanggungan pekerja.
- g) Majikan dilarang dan bertanggung jawab melakukan pemotongan gaji pekerja untuk semua biaya pengurusan Rekalibrasi Tenaga Kerja ini termasuk fi Rekalibrasi, levy, FOMEMA atau biaya lain semuanya ditanggung majikan
- h) Majikan dilarang memegang dan menyimpan paspor pekerja.
- i) Majikan harus bertanggung jawab jika pekerja bekerja tidak sesuai dengan jawatan kerja dan Pas Lawatan Kerja Sementara dan majikan siap menerima sanksi hukum pelanggaran terhadap akta Imigresen dan/ atau akta kerja Malaysia
- j) Majikan bertanggungjawab menyelesaikan perbelanjaan perubatan pekerja asing sekiranya tidak dilunaskan oleh pekerja asing.
- k) Majikan dilarang dan bertanggung jawab tidak ada pemotongan gaji pekerja untuk semua biaya pengurusan Rekalibrasi Tenaga Kerja ini.
- l) Majikan harus bertanggung jawab membayar kos penghantaran pulang pekerja asing ke daerah asal pekerja dan melaporkan ke Kedutaan Besar/Konsulat Jenderal Republik Indonesia, jika pekerja telah disahkan menghadapi penyakit berbahaya, penyakit berjangkit, tidak lagi berupaya untuk bekerja, tamat kontrak, meninggal dunia atau tidak lulus Rekalibrasi Tenaga Kerja.
- m) Majikan wajib mengikutkan pekerja pada Perkeso dan BPJS Ketenagakerjaan Indonesia atau skema perlindungan asuransi lainnya yang diwajibkan oleh pemerintah Malaysia bagi pekerja asing.
- n) Majikan wajib mengikutkan pekerja pada Perkeso, Insurance dan BPJS Ketenagakerjaan Indonesia atau skema perlindungan asuransi lainnya yang diwajibkan oleh pemerintah Malaysia bagi pekerja asing
- o) Majikan mesti melaporkan setiap pekerja yang lulus program Rekalibrasi Tenaga Kerja Kedutaan Besar/Konsulat Jenderal Republik Indonesia

9. GAJI DAN ELAUN

• Gaji pokok/ <i>Basic Salary</i>	RM 1500.00
• Tunjangan makan/ <i>meal allowance</i>	RM 0.00
• Tunjangan kehadiran/ <i>attendant allowance</i>	RM 0.00
• Tunjangan shift pagi/ <i>morning</i>	RM 0.00
• Tunjangan shift siang/ <i>afternoon</i>	RM 0.00
• Tunjangan shift malam/ <i>night</i>	RM 0.00

Gaji dan tunjangan harus dibayar majikan 1 (satu) kali dalam sebulan yaitu selambat-lambatnya pada tanggal 7 pada bulan berikutnya dalam bentuk account bank.

10. PERHITUNGAN OVERTIME

Pekerja yang bekerja lebih masa / over time, maka kerja lebih masa / over time-nya akan dibayar, dengan perhitungan mengikut Akta Pekerjaan / Undang-Undang Buruh Malaysia 1955 Pindaan terbaru dengan uraian berikut :

a. Ordinary Rate of Pay (ORP) : Gaji Bulanan

26

b. Hourly Rate of Pay (HRP) : ORP

Working Hour per Day

11. WAKTU BEKERJA

Pekerja akan bekerja 8 (delapan) jam sehari atau maksimal selama 45 jam seminggu dan jadwal kerjanya diatur oleh Perusahaan.

12. CUTI TAHUNAN

Perusahaan ini memberikan cuti kerja kepada PMI sesuai undang-undang Kerajaan Malaysia sebagai berikut:

- Cuti Am (Public holiday) selama 11 hari setahun
- Cuti sakit dan Cuti hospitalisasi berbayar

Tempoh Perkhidmatan	Kelayakan Cuti Sakit Berbayar	Kelayakan Cuti Sakit Hospitalisasi Berbayar	Jumlah Kelayakan Cuti Sakit Berbayar
< 2 Tahun	14 Hari	60 Hari	74 Hari
2 - 5 Tahun	18 Hari	60 Hari	78 Hari
>5	22 Hari	60 Hari	82 Hari

- Cuti tahunan berupah disediakan sebagai berikut:
 - 1 tahun berkhidmat = 8 hari
 - 2 - 5 tahun berkhidmat = 12 hari
 - > 5 tahun berkhidmat = 14 hari
 - Cuti rehat mingguan 1 (satu) hari dalam seminggu dan upah di bayar.
- Cuti Kecemasan.
 - Pekerja dibenarkan cuti pulang ke Indonesia diatas belanja sendiri jika berlaku kematian keatas keluarga sendiri.
 - Tempoh cuti adalah menurut kebenaran dan budi bicara pihak perusahaan.
 - Pekerja mestilah mengesahkan kedudukan perkara dengan menyerahkan telegram atau sijil kematian pengkebumian kepada pihak perusahaan.

13. FASILITAS

kepada semua penghuni yang tinggal diasrama syarikat sesuai dengan akta standar minimum perumahan dan fasilitas pekerja 1990.

Syarat-syaratnya adalah seperti berikut :

- a. **Asrama/Akomodasi**
- Penghuni asrama hanya dibenarkan tinggal diasrama yang disediakan oleh pihak syarikat sahaja dan dilarang menduduki ditempat selain dari tempat yang ditetapkan. Pihak syarikat menyediakan asrama yang lengkap untuk semua pekerja asing. Walau bagaimana pun pihak syarikat perlu membuat peraturan dan syarat-syarat
- Penghuni asrama yang tinggal di asrama syarikat, dikehendaki menjaga semua kelengkapan yang disediakan daripada hilang ataupun rosak.
 - Penghuni asrama yang tinggal di asrama syarikat dikehendaki menjaga kelakuan, cara bersosial dan pakaian semasa di rumah.
 - Penghuni asrama dilarang keras membawa balik keasrama teman, tetamu ataupun saudara mara sama ada laki-laki ataupun perempuan.
 - Penghuni asrama dikehendaki menjaga kebersihan rumah sendiri dan kawasan sekeliling di asrama.
 - PEMBERI KERJA akan memberikan membayar bil listrik dan air secara percuma sesuai aturan
 - PEMBERI KERJA tidak dibenarkan memotong gaji Pekerja untuk keperluan pembayaran asrama

b. **Transportasi dari dan ke tempat kerja**

PEMBERI KERJA harus menyediakan fasilitas pengangkutan Pekerja untuk keperluan pengantaran pekerja dari asrama ke tempat kerja dan sebaliknya, pengurusan paspor Pekerja ke Kedutaan / Konsulat Indonesia, urusan pemeriksaan kesehatan / pengubatan dan pengantaran pulang PMI ke bandara (KLIA), urusan perubatan ke klinik atau hospital.

c. **Rawatan dan Perubatan**

Bagi Syarikat yang tidak menyediakan fasilitas klinik panel (Klinik Kesehatan) maka Pekerja mestilah dapat berubat pada mana-mana klinik yang terdekat dengan lokasi kerja dan semua biaya perawatan / perubatan ditanggung oleh syarikat

Jika Pekerja sakit dan harus diopname (masuk ward) perusahaan menyediakan biaya perawan dan perubatan. Pembayaran perawatan dan perubatan akan ditanggung sepenuhnya oleh perusahaan mengikut Akta Kerja Tahun 1955.

14. LEVY & LARANGAN MEMOTONG UPAH PMI (DEDUCTION)

- a. Pemberi Kerja/Majikan wajib membayar semua levy, proses, fi, dan seluruh biaya Rekalibrasi Tenaga Kerja
- b. Upah Pekerja tidak dibenarkan dipotong (Deduction) atau diminta pekerja untuk membayar jasa (fee) mana-mana agensi.

15. PERBEDAAN PENDAPAT (PERSELISIHAN FAHAM)

Bila berlaku perbezaan pendapat (perselisihan faham / salah pengertian) antara perusahaan (Employer) dengan Pekerja maka perlu diamalkan hal-hal seperti berikut:

- Pihak perusahaan dan Pekerja akan bekerjasama melalui musyawarah untuk menyelesaikan hal

yang terbabit.

- Bila diperlukan pihak perusahaan akan merujuk kepada Jabatan buruh dan Jabatan Imigresen dan mana-mana pihak kerajaan Malaysia atau. pihak Kedutaan Indonesia atau Konsulat Republik Indonesia di Malaysia
- Pihak Kedutaan Indonesia atau Konsulat Republik Indonesia di Malaysia akan diminta untuk memfasilitasi penyelesaian perselisihan faham yang terjadi antara employer dengan PMI atas persetujuan pihak berwenang Kerajaan Malaysia
- Semua keputusan yang dibuat harus tunduk dan mengikut undang-undang Malaysia .

16. PEMBATALAN PERMIT KERJA (IZIN KERJA) PEKERJA

Majikan berhak membatalkan permit kerja (working permit) bila berlaku salah dari Pekerja yang melanggar undang-undang kerajaan Malaysia (tindakan jenayah, lari dari perusahaan dan sebagainya). Walau bagaimanapun semua keputusan akan dibuat atas budi bicara pihak perusahaan / majikan setelah diadakan perbincangan teliti dan perundingan yang dilakukan dengan semua pihak terbabit di Malaysia. Untuk ini pihak Kedutaan / Konsulat Indonesia akan diberitahukan dalam kadar segera.

17. PERALATAN KERJA

- Pekerja dikehendaki menjaga dan meyimpan dengan baik segala peralatan yang diberikan oleh PEMBERI KERJA
- Pekerja akan memulangkan segala peralatan bila diarahkan oleh PEMBERI KERJA atau setelah penamatan perkhidmatan atas apa jua sebab penamatan tersebut.
- Pakaian seragam kerja disediakan oleh perusahaan bila diperlukan
- Peralatan kerja dan alat keselamatan kerja di sediakan oleh perusahaan seperti helmet, sepatu bot dan sarung tangan dan sesuai dengan bidang pekerjaannya berdasarkan undang-undang kerajaan Malaysia. Dan jika sengaja hilang, lalai atau dirosakkan maka akan dipertanggungjawabkan kepada pekerja (PMI).
- Pekerja tidak dibebankan biaya pengantian peralatan jika peralatan tersebut sudah tidak layak pakai dan bukan karena kesalahan pekerja

18. PEMBERHENTIAN KERJA

a. Pihak syarikat boleh membatalkan kontrak perjanjian pekerjaan ini sekiranya seseorang pekerja itu melanggar perkara-kara berikut:

- Tidak mencapai tahap mutu kerja yang dikehendaki oleh PEMBERI KERJA.
- Tidak mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh PEMBERI KERJA.
- Kekerapan tidak hadir bertugas dan atau lewat hadir bertugas.
- Tidak jujur, cuai atau lalai dan tidak bertanggungjawab semasa bertugas.
- Berkelakuan atau menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh menggugat keharmonisan, kesejahteraan, harta benda dan pengeluaran syarikat serta pekerja lain.
- Menyalah gunakan harta benda syarikat atau pun orang perseorangan dengan tiada kebenaran.
- Merakam kad perakam waktu kerja orang lain atau meminta orang lain merakamkan ka perakam waktu kerja anda.
- Menjalankan apa-apa aktiviti sosial yang boleh menjatuhkan imej syarikat dan lain-lain

pekerja syarikat

19. PENGHANTARAN PULANG PEKERJA KE NEGARA ASAL

a. Pihak syarikat akan membiayai sepenuhnya kos pengangkutan kerana menghantar pulang pekerja-pekerja asing ke negara asal disebabkan :

- Pekerja itu telah tamat tempoh kontrak kerjanya.
- Kematian
- Kesalahan Majikan/Pemberi Kerja

b. Walau bagaimanapun pihak syarikat tidak akan membiayai kos pengangkutan menghantar pulang pekerja asing ke negara asal disebabkan :

- Disebabkan mengidapi penyakit yang teruk dan berjangkit - (AIDS, Hipetatis B, STD, HIV, Tuberculosis dan lain-lain seperti yang disahkan oleh pakar perubatan di Malaysia.
- Didapati bersalah mengikut mana-mana hukum jenayah
- Mempunyai dan terlibat di dalam masalah sosial.
- Menamatkan kontrak kerja sebelum tempoh waktunya.
- Penghantaran pulang disebabkan tidak boleh menjalankan tugas ke tahap yang dikehendaki dan ditentukan oleh syarikat walaupun setelah diberi bimbingan dan tunjuk ajar dan jangka waktu yang wajar.
- Penghantaran pulang disebabkan permasalahan atau permintaan keluarga.
- Sekiranya berlaku sebab-sebab seperti di dalam terma 14, mana-mana pekerja yang terbabit juga diperlukan membayar kembali baki wang levi dan apa-apa juga bayaran lain yang telah dibuat oleh PEMBERI KERJA.

Perjanjian ini telah dibaca semua oleh Kedua Pihak dan dipersetujui dan ditandatangani dengan persaksian di antara PEKERJA dengan PEMBERI KERJA/MAJIKAN.

PEMBERI KERJA/MAJIKAN.



Nama : LIM KEAN HEE

Kontak No : 017-431 7811



PEKERJA



Nama : SANDI KURNIWAN

Tarikh : 10/11/2024

SAKSI



Nama : Apparao Ali Chiman Chalam

No HP : 012-4922 092